

KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Bahan 1

Syair Menjaga Alam Sekitar

Untuk teman sahabat sekalian
Bersama-sama kita menjaga kebersihan
Kebersihan sebahagian daripada iman
Elok jadikan amalan harian

Sampah jangan dibuang sebarangan
Rosak alam rosak pandangan
Akan terjejas seluruh kesihatan
Ayuhlah kita pentingkan kesihatan

Sampah berlonggok berlakulah pencemaran
Akan terjejas alam persekitaran
Pelancong tengok penuh kehairanan
Hilang keyakinan hilang kepercayaan

Bahan 2

Pencemaran alam sekitar di negara kita sukar diatasi kerana sikap rakyat yang tidak mengendahkan kebersihan. Sampah yang dibuang di merata-rata tempat bukan sahaja mencatatkan pemandangan malah mencemarkan kawasan. Selain itu imej negara pada pandangan pelancong luar juga turut terjejas. Oleh sebab itu, setiap rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan alam sekitar.

Alam sekitar yang tidak tercemar memberikan kita suasana yang selesa. Persekitaran yang bersih membolehkan kita menyedut udara yang segar. Udara yang bersih merupakan nikmat yang sangat bernilai kepada kehidupan manusia. Kawasan yang segar dan bersih lazimnya dipenuhi dengan tumbuhan menghijau. Tumbuh-tumbuhan membebaskan oksigen ke udara dan membolehkan badan kita mendapat bekalan oksigen secukupnya.

Bahan 3



1. Berdasarkan ketiga-tiga bahan, nyatakan kesan pembuangan sampah di merata-rata.

Pembuangan sampah di merata rata akan mencemarkan serta Selain itu, pelancong akan hilang seterusnya

mencatatkan pemandangan
menjejaskan imej negara
alam sekitar
keyakinan dan kepercayaan

2. Berdasarkan Bahan 2, apakah impak alam sekitar yang bersih kepada kehidupan manusia?

Impak alam sekitar yang bersih kepada kehidupan manusia ialah yang selesa kerana manusia boleh..... Hal ini berlaku kerana persekitaran yang dipenuhi tumbuh-tumbuhan dan kita mendapat oksigen secukupnya.

membebaskan oksigen ke udara
menyedut udara yang bersih
membolehkan badan kita
mewujudkan suasana

3. Pada pendapat anda bagaimanakah cara untuk mengatasi sikap manusia yang tidak menjaga kebersihan alam sekitar?

Cara untuk mengatasinya ialah pihak berkuasa harus dengan mendenda mereka yang membuang sampah merata-rata agar mereka Seterusnya, mengadakan tentang kepentingan menjaga kebersihan dilaksanakan sepanjang masa agar amalan menjaga kebersihan masyarakat.

sepanjang masa
kempen kesedaran
menjadi budaya hidup
menguatkuasakan undang-undang
serik untuk mengulangi kesalahan